

# Perbuatan itu tidak seharusnya berlaku

# Jangan mungkir janji: Mahathir

KUALA LUMPUR, Ahad — Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, berkata kegiatan beberapa syarikat tempatan yang mungkir janji dengan rakan kongsi asing telah menyulitkan lagi pertumbuhan ekonomi negara.

Katanya, perbuatan itu tidak seharusnya berlaku terutama dalam usaha bersungguh kerajaan menggalakkan syarikat tempatan dan menarik lebih banyak pelaburan asing.

"Saya kesal kerana ada sesetengah peniaga Malaysia terbabit dalam kejadian 'mungkir janji' dengan rakan perniagaan asing mereka dan ini merosakan imej Malaysia di pasaran antarabangsa.

"Perbuatan itu juga benar-benar membebankan gambaran buruk, menyulitkan pertumbuhan dagangan dan melemahkan pembangunan ekonomi negara," katanya ketika berucap di majlis makan Persatuan Penjual Alat Ganti Kenderaan Selangor dan Wilayah Persekutuan di Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC) di sini malam tadi.

Sehubungan itu, Perdana Menteri mahu pengusaha bersikap jujur dalam kegiatan tanpa mengira sama ada rakan kongsi itu

terdiri daripada kalangan pelabur tempatan atau luar negeri.

Datuk Seri Dr Mahathir juga meminta pengeluar-pengeluar barangan tempatan eksport menimba ilmu dengan negara jiran yang maju mengenai cara mengeluarkan barangan dengan kos yang rendah dan bermutu tinggi.

Langkah itu adalah untuk membolehkan barangan Malaysia berupaya memenuhi permintaan di pasaran tempatan dan luar negeri.

## Negara jiran

Katanya, dengan itu, pekilang-pekilang Malaysia hendaklah menjual barangan mereka dengan harga yang murah bagi mencapai pasaran tempatan secara meluas.

Perdana Menteri berkata, pekilang-pekilang Malaysia jangan terlalu mengharapkan perlindungan daripada kerajaan kerana perlindungan itu hanya kepada barangan pasaran tempatan dan bukannya barangan yang berorientasikan eksport.

Katanya, jika kerajaan memberi perlindungan kepada barangan Malaysia yang berorientasikan pasaran eksport, negara-negara asing akan bertindak dengan menaikkan cukai untuk menyekat kemasukan

barangan itu ke negara mereka.

Beliau juga mengalu-alukan langkah persatuan itu untuk menceburkan diri di bidang pembuatan alat ganti kenderaan.

Ini adalah wajar kerana pertumbuhan pasaran kenderaan tempatan begitu meluas dan kewujudan industri alat ganti kenderaan bukan sahaja memberi pertumbuhan ekonomi negara, malah untuk pasaran luar negeri.

Beliau mengingatkan pekilang-pekilang Malaysia supaya menumpukan perhatian kepada pengeluaran barangan untuk pasaran tempatan kerana Malaysia menyediakan pelbagai bahan mentah.

"Kita hendaklah mencontohi negara-negara yang tidak mengeluarkan bahan mentah seperti Taiwan, Korea Selatan, Hong Kong dan Jepun yang kini jauh lebih maju daripada kita," katanya.

Datuk Dr Seri Mahathir berkata, kebolehan dan kesungguhan negara-negara itu membolehkan ia terus berjaya terutamanya di zaman kelembapan ekonomi negara, sedangkan Malaysia yang mengharapkan pengeluaran komoditi menghadapi kemerosotan yang teruk.

Katanya, sejajar dengan itu, kerajaan akan memberi tumpuan kepada industri-industri pengeluar.